

D733

B B914 AAB
MAHATHIR - AFRIKA SELATAN
DARIPADA MUSA SCULLY
(I)

HARARE, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU DILANCARKAN SATU PROGRAM TINDAKAN YANG DIBIYAI BERSAMA SEBAGAI PERSIAPAN BAGI KULIT BERWARNA AFRIKA KE ARAH PENCAPAIAN SEBUAH NEGARA AFRIKA SELATAN YANG BEBAS DENGAN PEMERINTAHAN MAJORITI.

PERDANA MENTERI BERKATA PROGRAM ITU AKAN MELATIH PARA PENTADBIR DAN PENERAJU INDUSTRI DAN PROFESIONAL BAGI MENCAPI MATLAMATNYA.

BELIAU JUGA BERKATA PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM) SEHARUSNYA MEMBUAT RAYUAN LANGSUNG KEPADA SEMUA NEGARA YANG MASIH BERURUSAN DENGAN AFRIKA SELATAN SEPERTI AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN DAN JEPUN SUPAYA MENYERTAI PERGERAKAN DALAM MENOLAK DASAR APARTHIED DAN MENEGAKKAN PEMERINTAHAN MAJORITI.

SEMASA BERUCAP PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN NAM DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA NAM PERLU BERADA DI BELAKANG NEGARA-NEGARA BARISAN DEPAN DALAM APA JUA CARA YANG MEMUNGKINKAN BAGI MEMBERI KESAN KEPADA TINDAK BALAS PRETORIA. -- LAGI
2009MST 03 09 86

D734

B B915 AAB
MAHATHIR - AFRIKA SELATAN 2 HARARE
(I)

+KITA HANYA BOLEH MERUNTUHKAN REJIM PRETORIA DENGAN TEKANAN EKONOMI DAN POLITIK TANPA BELAS KASIHAN.

SEKATAN MERUPAKAN SENJATA MUKTAMAD YANG DAPAT MEMBANTU NEGARA-NEGARA +BARISAN HADAPAN+ MEMERANGI AFRIKA SELATAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA BAHAWA APARTHEID DIPERKENALKAN DI AFRIKA OLEH PENJAJAH DAN DASAR ITU KEMUDIAN DIKEKALKAN OLEH REGIM PRETORIA. -- BERNAMA.

2010MST 03 09 86